

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/06/30 – 82

KAUNTER PERKHIDMATAN PERCUKAIAN LHDNM BEROPERASI SECARA JANJI TEMU MULAI 1 JULAI 2021

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa semua kaunter perkhidmatan percukaian di pejabat Cawangan, Pejabat Satelit dan Pusat Khidmat Hasil (PKH) akan beroperasi secara janji temu mulai 1 Julai 2021. Waktu operasi kaunter perkhidmatan percukaian ini ialah mulai pukul 8.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari (berdasarkan hari bekerja di setiap negeri).

Para pelanggan yang ingin hadir boleh membuat janji temu secara dalam talian (e-Janji Temu) dengan mengambil langkah mudah seperti berikut: -

- i) Layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my;
- ii) Klik pada menu 'Hubungi Kami'; dan
- iii) Klik e-Janji Temu.

LHDNM ingin menasihatkan para pelanggan yang menghadiri janji temu untuk sentiasa mengemaskini Status Risiko COVID-19 masing-masing pada aplikasi MySejahtera dan mematuhi setiap Prosedur Operasi Standard (S.O.P) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 30 Jun 2021

LHDN
MALAYSIA



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 2 daripada 2